



ARAHAN KAWALAN DALAMAN

JABATAN PERTANIAN

BIL.1/2019

PERTIMBANGAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH DAN CAJ BULANAN KEPADA PEGAWAI – PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN JABATAN PERTANIAN MALAYSIA BAGI KEGUNAAN RASMI

TUJUAN

1. Tujuan arahan kawalan dalaman Jabatan Pertanian Malaysia ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Jabatan Pertanian Malaysia mengenai pelaksanaan peraturan yang dipatuhi berhubung pertimbangan kemudahan alat komunikasi dan caj bulanan bagi kegunaan rasmi.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, (Akta 61), Arahan Perbendaharaan dan konsep *Let Managers Manage*, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala dasar perbelanjaan Jabatan dilakukan dengan teliti, cekap, berkesan, mempunyai nilai untuk wang, berjimat dan berpegang kepada amalan- amalan terbaik supaya pengurusan kewangan yang terhad ini berada dalam tahap yang terkawal dan telus.

DEFINISI

3. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini:
"alat komunikasi mudah alih" bermaksud sebarang alat mudah alih yang dilengkapi sekurang- kurangnya dua ciri asas komunikasi iaitu menerima/ membuat panggilan dan system pesanan ringkas (SMS);
"caj bulanan" bermaksud caj panggilan suara, caj penggunaan data (mengakses internet, muat turun dan seumpamanya), penggunaan emel, SMS, MMS dan sebarang bentuk caj perkhidmatan data yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi;

‘Kemudahan’ bermaksud kemudahan alat komunikasi mudah alih bagi kegunaan rasmi Pegawai Perkhidmatan Awam;.

‘Panggilan rasmi’ bermaksud panggilan yang dibuat bagi setiap urusan rasmi yang berkaitan dengan Jabatan; dan

Ketua Jabatan’ bermaksud ketua bagi sesebuah Jabatan termasuk ketua di peringkat daerah, negeri, wilayah, cawangan dan bahagian yang ditetapkan oleh Pegawai Pengawal masing-masing

KELAYAKAN DAN SYARAT- SYARAT PERTIMBANGAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN

4. Kadar kelayakan maksimum bantuan pembelian alat komunikasi mudah alih termasuk aksesori adalah seperti berikut:

Pegawai	Kadar (termasuk aksesori
Turus III dan ke atas/setaraf serta Ketua Setiausaha Kementerian	RM2,500
Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf	RM2,000
Gred 53 dan 54	RM1,000
Gred 41 hingga 52	RM750
Juruiring/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi dan Pemandu Kereta Rasmi Jawatan	RM375

Syarat bantuan pembelian alat komunikasi mudah alih adalah seperti berikut:

- kemudahan ini layak dipohon oleh pegawai setiap dua (2) tahun. Permohonan baru hanya boleh diluluskan selepas dua (2) tahun dikira mulai tarikh kelulusan sebelumnya tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal;
- kemudahan ini diberi secara tuntutan bayaran balik tertakluk kepada had maksimum kelayakan pegawai. Tuntutan hendaklah dikemukakan melalui borang yang diisi lengkap di Lampiran A berserta resit pembelian dan salinan tempoh jaminan kerosakan alat atas nama pegawai;
- kelulusan bantuan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai;
- alat komunikasi mudah alih tersebut adalah milik pegawai berkenaan dan tidak perlu direkodkan dalam Daftar Harta Modal atau Daftar Inventori; dan

- e. pegawai bertanggungjawab sepenuhnya ke atas alat komunikasi mudah alih tersebut dan tidak layak menuntut bantuan pembelian alat yang baru dalam tempoh dua (2) tahun sekiranya berlaku kerosakan/kehilangan disebabkan oleh kecuaiannya pegawai.
5. Kadar caj bulanan bagi penggunaan alat komunikasi mudah alih yang ditanggung oleh Kerajaan terhadap kadar berikut:

Pegawai	Had Caj Bulanan Yang Ditanggung Kerajaan (Sebulan)
Turus III dan ke atas/setaraf serta Ketua Setiausaha Kementerian	RM500
Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf	RM350
Gred 53 dan 54	RM200
Gred 41 hingga 52	RM150
Juruiring/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi dan Pemandu Kereta Rasmi Jawatan	RM50

KELAYAKAN DAN SYARAT- SYARAT PERTIMBANGAN DI BAWAH ARAHAN KAWALAN DALAMAN JABATAN PERTANIAN

6. Dengan mengambil kira implikasi kewangan serta keperluan dalam menjalankan tugas, Jabatan telah menetapkan beberapa langkah kawalan dalaman bagi permohonan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih untuk kegunaan rasmi (pembelian dan caj penggunaan bulanan). **Bantuan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih kepada pegawai di Jabatan Pertanian** akan dipertimbangkan mengikut jawatan / gred kelayakan seperti berikut:

Jawatan	Gred	Kadar (termasuk aksesori)
Ketua Pengarah Pertanian/ Timbalan Ketua Pengarah Pertanian/Pengarah Bahagian	Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf	RM2,000
Pengarah Bahagian/ Timbalan Pengarah Kanan/ Ketua Unit Integriti	Gred 54	RM1,000
Timbalan Pengarah Kanan/Ketua Unit Komunikasi Korporat/ Pengarah Negeri (Labuan)	Gred 44 hingga 52	RM750
Ketua Unit Undang- Undang/ Pegawai Pertanian K/U di Negeri	Gred 41 hingga 48	RM750

6.1 Tuntutan hendaklah dikemukakan melalui borang yang diisi lengkap (ditandatangani oleh Pengarah Bahagian Pengurusan dan Ketua Pengarah Pertanian) seperti di **Lampiran A** berserta resit asal pembelian dan salinan tempoh jaminan kerosakan alat atas nama pegawai kepada Seksyen Perkhidmatan untuk dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan.

7. Kemudahan **pembayaran kadar caj bulanan bagi penggunaan alat komunikasi mudah alih kepada pegawai di Jabatan Pertanian** akan dipertimbangkan mengikut jawatan / gred kelayakan seperti berikut:

Jawatan	Gred	Had Caj Bulanan Yang Ditanggung Kerajaan (Sebulan)
Ketua Pengarah Pertanian/ Timbalan Ketua Pengarah Pertanian/ Pengarah Bahagian	Gred Utama/ Khas C hingga A dan setaraf	RM350
Pengarah Bahagian/ Ketua Unit Integriti	Gred 54	RM200
Pengarah Pertanian Labuan/ Ketua Unit Komunikasi Korporat/ Ketua Unit Undang- Undang	Gred 44 hingga 52	RM150

7.1 Semua talian alat komunikasi mudah alih yang ditanggung oleh Kerajaan adalah diwajibkan menggunakan kaedah e-billing atau bil atas talian. Walau bagaimanapun, mereka yang ditempatkan di kawasan-kawasan pendalaman yang tidak mempunyai akses kepada internet adalah dikecualikan.

7.2 Tuntutan Caj Bulanan hendaklah dikemukakan melalui borang yang diisi lengkap (ditandatangani oleh Ketua Pengarah Pertanian) seperti di **Lampiran B** berserta invois/ bil bulanan yang asal dan pengesahan panggilan atas urusan rasmi, resit bayaran dan salinan penyata akaun bank dan dikemukakan ke Seksyen Kewangan untuk tujuan pembayaran.

PELAKSANAAN

8. Arahan kawalan pentadbiran seperti yang dinyatakan di atas perlu dipanjangkan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Persekutuan Awam, Jabatan Pertanian Malaysia tertakluk kepada Ketua Jabatan yang diberi kuasa dan bertanggungjawab terhadap pertimbangan permohonan bagi kategori pegawai bagi kemudahan yang disediakan.

TARIKH KUATKUASA

9. Arahan kawalan dalaman ini berkuatkuasa mulai 2 Mei 2019.



DATO' JAMAL HARIZAN BIN YANG RAZALI

Ketua Pengarah Pertanian

Jabatan Pertanian Malaysia

Tarikh:

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)

Pengarah – Pengarah Bahagian

Pengarah – Pengarah Negeri

BORANG TUNTUTAN BANTUAN PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH

MAKLUMAT PEGAWAI YANG MEMOHON			
NAMA	:		
NO. KAD PENGENALAN	:		
GRED/ KATEGORI/ KUMPULAN	:		
JAWATAN	:		
JABATAN / BAHAGIAN	:		
MAKLUMAT ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH YANG DIBELI			
JENAMA/ MODEL	:		NO. SIRI TELEFON :
HARGA BELIAN	:		NO. RESIT PEMBELIAN :
TARIKH DIBELI	:		TUNTUTAN BANTUAN :
PENGAKUAN			
Saya mengaku bahawa: i. Telah menggunakan alat komunikasi mudah alih melebihi dua (2) tahun *; ATAU ii. Kerosakan / Kehilangan alat komunikasi mudah alih bukan disebabkan oleh kecuaiannya *; iii. Tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan dibawah peraturan berhubung alat komunikasi mudah alih yang sedang berkuatkuasa; dan iv. Semua butir-butir tuntutan yang dinyatakan di atas adalah benar. *Pilih yang berkenaan			
Tarikh : _____		Tandatangan Pemohon _____	
PENGESAHAN BAHAGIAN PENGURUSAN			
Permohonan ini disemak dan disahkan bahawa tuntutan tersebut: a) Memenuhi peraturan sebagaimana kelayakan pegawai dan disyorkan diluluskan; atau b) Tidak memenuhi syarat dibawah Arahan Kawalan Dalaman Jabatan Pertanian Bil. 1/2019 			
Tarikh : _____		Tandatangan : _____	
KEPUTUSAN KETUA JABATAN			
Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan. Tarikh : _____ Tandatangan Ketua Pengarah Pertanian _____			

BORANG TUNTUTAN CAJ BULANAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH**MAKLUMAT PEGAWAI YANG MEMOHON**

NAMA : _____
 NO. KAD PENGENALAN : _____
 JAWATAN : _____
 GRED JAWATAN : _____
 BAHAGIAN : _____
 NO. TELEFON PEJABAT : _____
 NO. TELEFON BIMBIT : _____
 E-MEL : _____
 NO. AKAUN BANK : _____
 NAMA / ALAMAT BANK : _____

MAKLUMAT TUNTUTAN

Ketua Pengarah Pertanian/ Timbalan Ketua Pengarah Pertanian/ Pengarah Bahagian	Gred Utama/ Khas C hingga A dan setaraf	RM 350	KELAYAKAN TUNTUTAN : _____
Pengarah Bahagian / Ketua Unit Integriti	Gred 54	RM 200	AMAUN BIL / INVOIS : _____
Pengarah Pertanian Labuan/ Ketua Unit Komunikasi Korporat/ Ketua Unit Undang-undang	Gred 44 hingga 52	RM 150	AMAUN RESIT PEMBAYARAN : _____
			AMAUN YANG DITUNTUT : _____

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa :

- Telah menggunakan kemudahan caj panggilan pasca bayar untuk kegunaan rasmi;
- Tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan di bawah peraturan berhubung alat komunikasi mudah alih yang sedang berkuatkuasa; dan
- Semua butir-butir tuntutan yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tarikh : _____

Tandatangan Pemohon

KELULUSAN KETUA JABATAN

Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan.

Tarikh: _____

Tandatangan Ketua Pengarah Pertanian